

Mayat wanita ditemui di lombong pasir diklasifikasi kes bunuh

Hulu Selangor: Kes mayat seorang wanita yang ditemui terapung di sebuah lombong pasir di SKC Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, dekat sini, Khamis lalu, kini diklasifikasikan sebagai kes bunuh.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Lim Bak Phai, berkata siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksamaan itu diputuskan berdasarkan penemuan beberapa kesan kecederaan pada mayat selepas proses bedah siasat di Hospital Sungai Buloh, kelmarin.

Dipercayai warga tempatan
Katanya, hasil bedah siasat mengesahkan mayat adalah seorang perempuan berusia



Lim Bak Phai

lingkungan 20-an, dipercayai warga tempatan berikutan ada tanda suntikan BCG namun, identiti dan bangsanya belum diketahui.

"Berdasarkan keadaan fizikal, mangsa dipercayai meninggal dunia lebih dari tiga hari.

Dua kesan luka, tulang tengkorak patah

"Bedah siasat yang dijalankan menemui dua kesan luka berlubang dan satu kesan hentakan di kepala serta tulang tengkoraknya patah.

"Ada juga kecederaan pada dada kanan yang berkemungkinan disebabkan oleh gigitan haiwan selain kesan lebam di jari tengah, tangan kiri, kemungkinan kesan pergelutan,"

katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Bak Phai berkata, cap jari mangsa sudah diambil untuk pemeriksaan identiti dan rumsan daripada bedah siasat itu mendapati punca kematian adalah disebabkan kecederaan parah di kepala.

Mayat wanita yang sudah kembang itu ditemui orang awam tersangkut pada jeti kayu disyaki hanyut dibawa arus sungai, kira-kira jam 2.05 petang.

Penemuan mayat itu dimaklumkan kepada polis dan siasatan awal polis mengklasifikasikan kes itu sebagai mati mengejut sementara menunggu keputusan bedah siasat.

1/4/2019

BHARATAN

ms 20